



[AIA General Berhad is licensed under the Financial Services Act 2013 and regulated by the Central Bank of Malaysia (Bank Negara Malaysia)]

PRODUCT DISCLOSURE SHEET

(Please read this Product Disclosure Sheet before you decide to take up A-Essential Business. Be sure to also read the general terms and conditions of the sample policy contract where applicable.)

AIA General Berhad

A-Essential Business –
Enhanced Fire Packaged
Insurance

Date: December 13, 2023

Name	:	_____
Situation of Risk	:	_____
Occupied as	:	_____
Construction of building	:	Class 1A: Wall-bricks/concrete, Roof-tiles/concrete/zinc/asbestos

1. What is this product about?

This is a comprehensive packaged insurance that is specially designed for businesses occupied in buildings of Class 1A construction. A wide range of cover is provided with flexibility to customize a plan that suits your business needs.

2. What are the covers/benefits provided?

This product comes with Fixed and Flexi Plan that provides up to 11 comprehensive coverage:

Section A – Fire

Provides protection against loss or damage to the property insured due to fire, lightning, and/or other optional perils selected.

Section B – Burglary

Provides protection against loss or damage to the property insured within the insured premises due to theft through forcible entry or exit from the building or any attempt threat.

Section C – Money

Reimburses loss of money in transit, money kept in the insured premises, or money transacted via electronic fund transfer, and provides coverage on personal accident due to assault, for up to 4 persons in Fixed Plans or up to a maximum of 10 persons in Flexi Plan.

Section D – Public Liability

Provides protection against Insured's legal liability to third parties for bodily injury/death and/or property damage arising from accidents happen during the period of insurance and in the course of the Insured's business.

Section E – Plate Glass, Signage and Signboard

Provides protection against accidental damage to fixed glasses, or damage to signage and signboard fitted to the insured building within the insured premises.

Section F – Employer’s Liability

Provides cover to indemnify Insured against his common law liability in respect of any personal injury sustained by his employee(s) in the course of employment.

Section G – Group Personal Accident (unnamed basis)

Provides protection to Insured and Insured’s employees against accidental death or accidental permanent disablement, for up to 15 persons in Fixed Plan or up to a maximum of 30 persons in Flexi Plan.

Section H – Fidelity Guarantee (unnamed basis)

Provides protection against any loss of money or goods which the Insured sustains by any acts of fraud or dishonesty committed by the Insured’s employee(s).

Section I – Machinery Breakdown

Provides protection against any unforeseen and sudden physical loss or damage to machineries in the insured premises.

Section J – All Risks

Provides protection against loss or damage to office equipment, computers and peripherals, furniture and fittings, and the like caused by any accidental causes unless such perils are specifically excluded.

Section K – Fire Consequential Loss

Provides protection against loss of income and extended operating costs following business interruption as a result of fire, lightning, and/or other optional perils selected in Section A.

Note:

- *Duration of cover is for one year. You need to renew your insurance policy annually.*
- *For Fixed Plan, Section A to H are mandatory cover with Sum Insured as per stated in the Schedule of Benefits, while Section I to K are optional.*
- *For Flexi Plan, all sections are optional cover (i.e. Section B to K) except for Section A – Fire which is mandatory. You are required to select a minimum of 3 sections among Section B to K and to determine the desired sum insured.*

3. How much premium do I have to pay?

The total premium that you have to pay may vary depending on the Plan selected, Sum Insured amount for each Section, and the underwriting requirements of the Company. (Please refer to the Brochure for the details of the Schedule of Benefits provided in this package).

Note:

- i *It is advisable that you pay your premium directly to the Company, either by cash, credit card or through our approved internet banking facility. We encourage our customers to make payment electronically using our approved cashless payment methods as a secure alternative to cash payments.*
- ii **Official Receipt** – Always insist for an official receipt for the premium paid and keep it as proof of your premium payment.
- iii **Minimum premium payable for Section A is RM75.00.**

4. What are the fees and charges that I have to pay?

Commissions paid to the insurance agent	:	15% of premiums
Stamp Duty	:	RM10.00
Applicable Government Tax	:	6% of annual premiums paid

5. What are some of the key terms and conditions that I should be aware of?

- a) **Duty of Disclosure** – You must give all the facts in your application form and each renewal fully and faithfully otherwise your policy may be void.
 - **Consumer Insurance Contract**
Pursuant to Paragraph 5 of Schedule 9 of the Financial Services Act 2013, if you are applying for this Insurance wholly for purposes unrelated to your trade, business or profession, you have a duty to

take reasonable care not to make a misrepresentation in answering the questions in the Proposal Form (or when you apply for this insurance). You must answer the questions fully and accurately.

Failure to take reasonable care in answering the questions may result in avoidance of your contract of insurance, refusal or reduction of your claim(s), change of terms or termination of your contract of insurance.

The above duty of disclosure shall continue until the time your contract of insurance is entered into, varied or renewed with us.

In addition to answering the questions in the Proposal Form (or when you apply for this insurance), you are required to disclose any other matter that you know to be relevant to our decision in accepting the risks and determining the rates and terms to be applied.

You also have a duty to tell us immediately if at any time after your contract of insurance has been entered into, varied or renewed with us any of the information given in the Proposal Form (or when you applied for this insurance) is inaccurate or has changed.

- **Non-Consumer Insurance Contract**

Pursuant to Paragraph 4(1) of Schedule 9 of the Financial Services Act 2013, if you are applying for this Insurance for a purpose related to your trade, business or profession, you have a duty to disclose any matter that you know to be relevant to our decision in accepting the risks and determining the rates and terms to be applied and any matter a reasonable person in the circumstances could be expected to know to be relevant, otherwise it may result in avoidance of your contract of insurance, refusal or reduction of your claim(s), change of terms or termination of your contract of insurance.

The above duty of disclosure shall continue until the time your contract of insurance is entered into, varied or renewed with us.

You also have a duty to tell us immediately if at any time after your contract of insurance has been entered into, varied or renewed with us any of the information given in the Proposal Form (or when you applied for this insurance) is inaccurate or has changed.

b) **Limitations of cover:**

- Sum Insured - amount of sum insured is according to the Schedule of Benefits except for Fire (the sum insured must represent the Full Value of the property insured), Fire Consequential Loss, and All Risks, and all sections in Flexi Plan.
- Group Personal Accident - limited to 15 persons only (applicable to Fixed Plans) or limited to the number of persons as specified in the Policy Schedule for a maximum of 30 (applicable to Flexi Plan), aged between 18 to 70 years.

- c) **Underinsurance** – You must ensure that the sum insured is adequate, otherwise, average condition will apply for under insurance at the time of loss. You will deem to be self-insuring for the difference. Ensure your property is adequately insured at all times, and take into account the renovations and enhancements made to your property. If you wish to get the estimated rebuilding cost of your property to estimate the sum insured, you may use the Building Cost Calculator (BCC) on PIAM's website at the following link <http://www.piam.org.my/consumer/industry/building-cost-calculator-bcc/> and complete the questionnaires. Please inform the Company if you wish to revise the sum insured. Any revision to the sum insured is subject to the company's approval.

- d) **Excess** – is the amount of loss that you have to bear in the event of a claim.

Note:

- i. *If you do not receive the insurance policy after one (1) month from date of purchase, please contact the Company.*
- ii. *Please note that this limitations, terms and conditions as stated in this Product Disclosure Sheet are not exhaustive. Please refer the Policy Contract for detailed benefits, limitations, terms and conditions. The contents of the Policy Contract shall prevail if there are any discrepancies between the Product Disclosure Sheet and the Policy Contract.*

e) **Making a claim**

- You must notify the Company immediately.
- For fire claim, you must notify the fire brigade immediately.
- You must take necessary precaution to minimize the loss/damage.
- You must make a police report for theft, liability, and money claim.
- For liability claim:
 - a) You must not discuss compensation or issue of liability if a third party and/or his representative make an approach for settlement, without the consent of the Company.
 - b) You must submit all correspondence received from third party and/or his representative or the claimant or his solicitor unanswered to the Company.
- You must submit your claim with all supporting information and documents to the Company.
- You should cooperate fully with the adjuster/investigators appointed by the Company to assess your claim.
- For Personal Accident claim: Death certificate, police report and postmortem report (if required) for death claim or for other injury claim, you must submit the medical report & medical bills to support your claim.

6. **What are the major exclusions under this policy?**

Exclusion to Section A & K – Fire & Fire Consequential Loss

- Theft during or after occurrence of fire
- Own fermentation, natural heating or spontaneous combustion
- Burning property by order of public authority
- Earthquake, volcanic eruption, typhoon, hurricane, flood
- Ionizing radiations or contamination by radioactivity from any nuclear fuel or nuclear waste
- War invasion, act of foreign enemy, hostilities or warlike operations
- Act of terrorism

General Exclusion applicable to Section B to J – Burglary, Money, Public Liability, Plate Glass, Signage and Signboard, Employer's Liability, Group Personal Accident, Fidelity Guarantee, Machinery Breakdown, and All Risks

- Loss or damage resulting or arising from any consequential loss
- Ionizing radiations or contamination by radioactivity from any nuclear fuel or nuclear waste
- War invasion, act of foreign enemy, hostilities or warlike operations
- Act of terrorism
- Loss of Money arising out of or in any way involving the interruption or failure of the internet (Section C – Money)
- Loss or damage to hand held phones, mobile phones, walkie-talkie, palmtop and electronic personal organizer, iPads/ tablets or the like, portable video camera, camcorder, portable photographic equipment, and the content of the machines. (Section J – All Risks)

Note:

This list is non-exhaustive. Please refer to the Policy Contract for the full list of exclusions under this policy.

7. **Can I cancel my policy?**

Yes, you may cancel your policy by giving written notice to the Company. Upon cancellation, you are entitled to a partial refund of the premium provided you have not made a claim.

8. **What do I need to do if there are changes to my company details?**

It is important that you inform the Company of any change in your company details such as your change of address so that we can keep you informed of important information.

9. Where can I get further information?

Should you require additional information about fire insurance, please visit www.insuranceinfo.com.my or visit our website at AIA.COM.MY. For further information on claims procedures, please refer to AIA website.

If you have any enquiries, please contact AIA General Berhad at:

AIA General Berhad 201001040438 (924363-W)
Menara AIA
99 Jalan Ampang,
50450 Kuala Lumpur.
Care Line: 1 300 88 1464
E-mail: my.customer@aia.com

AIA General Berhad is licensed under the Financial Services Act 2013 and regulated by Bank Negara Malaysia.

10. Other types of insurance cover available:

Please ask AIA or AIA's agent for other similar types of cover offered by AIA General Berhad.

IMPORTANT NOTICE:

YOU MUST ENSURE THAT YOUR PROPERTY IS INSURED AT THE APPROPRIATE AMOUNT. YOU SHOULD READ AND UNDERSTAND THE INSURANCE POLICY AND DISCUSS WITH YOUR AGENT OR CONTACT THE INSURANCE COMPANY DIRECTLY FOR MORE INFORMATION.

This information provided in this disclosure sheet is valid as at December 13, 2023.



[AIA General Berhad adalah dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.]

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

(Sila baca Lebaran Pendedahan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk mengambil A - Essential Business. Sila pastikan anda juga membaca semua terma-terma dan syarat-syarat am daripada kontrak polisi jika berkenaan.)

AIA General Berhad

A-Essential Business – Enhanced Fire Packaged Insurance

Tarikh: Disember 13, 2023

Nama	:	_____
Lokasi Risiko	:	_____
Digunakan sebagai	:	_____
Pembinaan bangunan	:	Kelas 1A: Bata dinding/konkrit, Jubin bumbung / konkrit / zink / asbestos

1. Apakah produk ini?

Ini adalah pakej insurans komprehensif yang direka khas untuk perniagaan yang beroperasi di bangunan binaan kelas 1A. Pelbagai jenis perlindungan disediakan dengan fleksibiliti untuk menyesuaikan pelan yang sesuai dengan keperluan perniagaan anda.

2. Apakah perlindungan/manfaat yang disediakan?

Produk ini disertakan dengan *Fixed Plan* dan *Flexi Plan* yang menyediakan sehingga 11 perlindungan komprehensif:

Seksyen A – Kebakaran

Menyediakan perlindungan terhadap kerugian atau kerosakan pada harta benda yang diinsuranskan akibat kebakaran, kilat dan/atau peril pilihan lain yang dipilih.

Seksyen B – Pecah Masuk

Memberi perlindungan terhadap kerugian atau kerosakan harta benda yang diinsuranskan di dalam premis yang diinsuranskan akibat kecurian melalui pecah masuk atau keluar dari bangunan secara paksa atau sebarang percubaan ancaman.

Seksyen C – Wang

Membayar balik kerugian wang dalam transit, wang yang disimpan di dalam premis yang diinsuranskan, atau wang yang ditransaksikan melalui pemindahan dana elektronik, dan menyediakan perlindungan ke atas kemalangan diri akibat serangan, untuk sehingga 4 orang dalam *Fixed Plan* atau sehingga maksimum 10 orang di *Flexi Plan*.

Seksyen D – Liabiliti Awam

Memberi perlindungan terhadap liabiliti undang-undang Pihak Diinsuranskan kepada pihak ketiga untuk kecederaan badan/kematian dan/atau kerosakan harta benda yang timbul akibat kemalangan yang berlaku di dalam tempoh perlindungan dan dalam urusan perniagaan Pihak Diinsuranskan.

Seksyen E – Kepingan Kaca dan Papan Tanda

Menyediakan perlindungan terhadap kerosakan akibat kemalangan pada kepingan kaca, atau kerosakan pada papan tanda yang dipasang ke atas bangunan yang diinsuranskan di dalam premis yang diinsuranskan.

Seksyen F – Liabiliti Majikan

Menyediakan perlindungan untuk menanggung rugi Pihak Diinsuranskan terhadap liabiliti undang-undang lazimnya berkenaan dengan sebarang kecederaan peribadi yang dialami oleh pekerja semasa bekerja.

Seksyen G – Kemalangan Diri Berkelompok

Menyediakan perlindungan kepada pekerja Diinsuranskan dan Diinsuranskan terhadap kematian akibat kemalangan atau kehilangan upaya kekal akibat kemalangan, untuk sehingga 15 orang dalam *Fixed Plan* atau sehingga maksimum 30 orang dalam *Flexi Plan*.

Seksyen H – Jaminan Kesetiaan

Menyediakan perlindungan terhadap sebarang kerugian wang atau barang yang ditanggung oleh Pihak Diinsuranskan alami akibat tindakan penipuan atau ketidakjujuran yang dilakukan oleh pekerja Pihak Diinsuranskan.

Seksyen I – Kerosakan Jentera

Menyediakan perlindungan terhadap kerugian atau kerosakan fizikal yang tidak dijangka dan mengejut kepada mesin di premis yang diinsuranskan.

Seksyen J – Semua Risiko

Menyediakan perlindungan terhadap kerugian atau kerosakan pada peralatan pejabat, komputer dan peripheral, perabot dan kelengkapan, dan seumpamanya yang disebabkan oleh sebarang sebab tidak sengaja kecuali jika bahaya-bahaya tersebut dikecualikan secara khusus.

Seksyen K – Kerugian Turutan Kebakaran

Menyediakan perlindungan terhadap kerugian pendapatan dan kos operasi tambahan berikutan gangguan perniagaan akibat kebakaran, kilat dan/atau peril/bahaya pilihan lain yang dipilih dalam Seksyen A.

Nota:

- Tempoh perlindungan adalah selama satu tahun. Anda perlu memperbaharui polisi insurans anda setiap tahun.
- Untuk *Fixed Plan*, Seksyen A hingga H adalah perlindungan mandatori dengan Jumlah Diinsuranskan seperti yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat, manakala Seksyen I hingga K adalah pilihan.
- Bagi *Fixed Plan*, Jumlah Diinsuranskan adalah seperti yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat. Untuk *Flexi Plan*, anda dikehendaki menentukan jumlah yang diinsuranskan untuk setiap manfaat dalam Bahagian A hingga K.

3. Berapakah premium yang perlu saya bayar?

Jumlah premium yang anda perlu bayar mungkin berbeza bergantung pada Pelan yang dipilih, Jumlah Diinsuranskan untuk setiap Seksyen, dan keperluan pengunderaitan Syarikat. (Sila rujuk Risalah untuk butiran Jadual Manfaat yang disediakan dalam pakej ini).

Nota:

- i. Anda dinasihatkan untuk membayar premium anda terus kepada Syarikat, sama ada secara tunai, kad kredit atau melalui kemudahan perbankan internet yang diluluskan oleh kami. Kami menggalakkan pelanggan kami untuk membuat pembayaran secara elektronik menggunakan kaedah pembayaran tanpa tunai yang diluluskan oleh kami sebagai alternatif yang selamat selain daripada pembayaran tunai.
- ii. **Resit Rasmi** – Sentiasa tekankan untuk mendapatkan resit rasmi bagi premium yang dibayar dan simpan sebagai bukti pembayaran premium anda.
- iii. **Minimum Premium yang perlu dibayar untuk Seksyen A ialah RM75.00.**

4. Apakah yuran-yuran dan caj-caj yang perlu saya bayar?

Komisen yang dibayar kepada ejen insurans	:	15% daripada premium
Duti Setem	:	RM10.00
Cukai Kerajaan yang Berkenaan	:	6% daripada premium tahunan yang dibayar

5. Apakah di antara terma-terma dan syarat-syarat utama yang patut saya ketahui?

- a) **Kewajipan Pendedahan** - Anda mesti memberikan semua fakta dalam borang permohonan anda dan semasa pembaharuan dengan lengkap dan jujur jika tidak, polisi anda mungkin terbatal.

- **Kontrak Insurans Pengguna**

Menurut Perenggan 5 daripada Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan-soalan dalam Borang Cadangan (atau apabila anda memohon insurans ini). Anda dikehendaki menjawab soalan-soalan ini dengan lengkap dan tepat.

Kegagalan untuk mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab soalan-soalan, mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak insurans anda, keengganan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda.

Kewajipan pendedahan diatas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami. Sebagai tambahan kepada soalan-soalan dalam Borang Cadangan (atau apabila anda memohon insurans ini), anda dikehendaki untuk mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan.

Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami, apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan (atau apabila anda memohon insurans ini) tidak tepat atau telah berubah.

- **Kontrak Insurans Komersial**

Menurut Perenggan 4(1) Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon insurans ini untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda berkewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan, dan apa-apa perkara yang munasabah yang boleh dijangka, jika tidak ia boleh menyebabkan pembatalan kontrak insurans, keengganan atau pengurangan ganti rugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda.

Kewajipan pendedahan diatas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami.

Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami, apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan (atau apabila anda memohon insurans ini) tidak tepat atau telah berubah.

- b) **Had perlindungan:**

- Jumlah Diinsuranskan - Amaun jumlah diinsuranskan adalah mengikut Jadual Manfaat kecuali untuk Kebakaran (jumlah diinsuranskan mesti mewakili Nilai Penuh harta yang diinsuranskan), Kerugian Akibat Kebakaran, dan Semua Risiko, dan semua bahagian dalam *Flexi Plan*.
- Kemalangan Diri Berkelompok - Terhad kepada 15 orang sahaja (terpakai untuk *Fixed Plan*) atau terhad kepada bilangan orang seperti yang dinyatakan dalam Jadual Polisi untuk maksimum 30 (terpakai untuk *Flexi Plan*), berumur antara 18 hingga 70 tahun.

- c) **Insurans Terkurang** – Anda perlu memastikan bahawa jumlah yang diinsuranskan adalah mencukupi, jika tidak, syarat purata akan terpakai untuk insurans terkurang pada masa kerugian. Anda akan dianggap sebagai menanggung risiko sendiri untuk perbezaan tersebut. Pastikan harta tanah anda diinsuranskan dengan secukupnya pada setiap masa, dan mengambil kira pengubahsuaian dan penambahbaikan yang dibuat pada harta tanah anda. Jika anda ingin mendapatkan anggaran kos pembinaan semula harta tanah anda untuk menganggarkan jumlah diinsuranskan, anda boleh menggunakan Building Cost Calculator (BCC) di laman web PIAM di pautan berikut <http://www.piam.org.my/consumer/industry/buildingcost-calculator-bcc/> dan lengkapkan soal selidik. Sila maklumkan kepada Syarikat jika anda ingin menyemak semula jumlah yang diinsuranskan. Sebarang semakan kepada jumlah diinsuranskan adalah tertakluk kepada kelulusan syarikat.
- d) **Lebihan** – adalah jumlah kerugian yang perlu anda tanggung sekiranya berlaku tuntutan.

Nota:

- i. *Jika anda tidak menerima polisi insurans selepas satu (1) bulan dari tarikh pembelian, sila hubungi Syarikat.*
- ii. *Sila ambil perhatian bahawa had, terma dan syarat seperti yang dinyatakan dalam Lembaran Pendedahan Produk ini tidak menyeluruh. Sila rujuk Kontrak Polisi untuk manfaat, had, terma dan syarat yang terperinci. Kandungan Kontrak Polisi akan diguna pakai jika terdapat sebarang percanggahan antara Lembaran Pendedahan Produk dan Kontrak Polisi.*

e) **Membuat Tuntutan**

- Anda perlu memberitahu Syarikat dengan segera.
- Untuk tuntutan kebakaran, anda perlu memaklumkan kepada pihak bomba dengan segera.
- Anda perlu mengambil langkah berjaga-jaga yang diperlukan untuk mengurangkan kerugian/kerosakan.
- Anda mesti membuat laporan polis untuk kecurian, liabiliti dan tuntutan wang.
- Untuk tuntutan liabiliti:
 - a) Anda tidak boleh membincangkan pampasan atau isu liabiliti jika pihak ketiga dan/atau wakilnya membuat pendekatan untuk penyelesaian, tanpa kebenaran Syarikat.
 - b) Anda perlu menyerahkan semua surat-menyurat yang diterima daripada pihak ketiga dan/atau wakilnya atau pihak yang menuntut atau peguam caranya yang tidak dijawab kepada Syarikat.
- Anda perlu menyerahkan tuntutan anda beserta semua maklumat dan dokumen sokongan kepada Syarikat.
- Anda harus bekerjasama sepenuhnya dengan penilai/penyiasat yang dilantik oleh Syarikat untuk menilai tuntutan anda.
- Untuk tuntutan Kemalangan Diri: Sijil kematian, laporan polis dan laporan bedah siasat (jika diperlukan) untuk tuntutan kematian atau untuk tuntutan kecederaan lain, anda perlu mengemukakan laporan perubatan & bil perubatan untuk menyokong tuntutan anda.

6. Apakah pengecualian penting di dalam polisi ini?**Pengecualian kepada Seksyen A & K – Kebakaran & Kerugian Turutan Kebakaran**

- Kecurian semasa atau selepas berlakunya kebakaran
- Penapaian sendiri, pemanasan semula jadi atau pembakaran sendiri
- Membakar harta benda dengan perintah pihak berkuasa awam
- Gempa bumi, letusan gunung berapi, taufan, banjir
- Sinaran ion atau pencemaran oleh radioaktiviti daripada mana-mana bahan api nuklear atau sisa nuclear
- Pencerobohan perang, tindakan musuh asing, permusuhan atau operasi seperti perang
- Tindakan keganasan

Pengecualian Am terpakai untuk Seksyen B hingga J – Pecah Masuk, Wang, Liabiliti Awam, Kepingan Kaca dan Papan Tanda, Liabiliti Majikan, Kemalangan Diri Berkelompok, Jaminan Kesetiaan, Kerosakan Mesin, dan Semua Risiko

- Kerugian atau kerosakan akibat atau timbul daripada sebarang kerugian berbangkit
- Sinaran ion atau pencemaran oleh radioaktiviti daripada mana-mana bahan api nuklear atau sisa nuclear
- Pencerobohan perang, tindakan musuh asing, permusuhan atau operasi seperti perang

- Tindakan keganasan
- Kehilangan Wang yang timbul daripada atau dalam apa-apa cara yang melibatkan gangguan atau kegagalan Internet (Seksyen C – Wang)
- Kehilangan atau kerosakan pada telefon, telefon bimbit, walkie-talkie, palmtop dan pengatur peribadi elektronik, iPad/tablet atau seumpamanya, kamera video mudah alih, camcorder, peralatan fotografi mudah alih dan kandungan mesin. (Seksyen J – Semua Risiko)

Nota:

Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kepada Kontrak Polisi untuk senarai penuh pengecualian di bawah polisi ini.

7. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Ya, anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberikan notis bertulis kepada kami. Selepas pembatalan, anda layak mendapat bayaran balik sebahagian premium dengan syarat anda belum membuat tuntutan.

8. Apakah yang perlu saya lakukan jika butir-butir hubungan/peribadi saya bertukar?

Adalah penting bagi anda memberitahu kami mengenai sebarang pertukaran kepada profil kehidupan anda termasuk pekerjaan dan kegiatan peribadi anda yang boleh mempengaruhi profil risiko.

9. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai insurans kebakaran, sila layari www.insuranceinfo.com.my atau laman web kami di AIA.COM.MY. Untuk maklumat lanjut mengenai prosedur tuntutan, sila rujuk laman web AIA.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi AIA General Berhad di:

AIA General Berhad 201001040438 (924363-W)

Menara AIA

99 Jalan Ampang

50450 Kuala Lumpur

Care Line: 1 300 88 1464

Emel: my.customer@aia.com

AIA General Berhad adalah dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

10. Perlindungan jenis lain yang serupa sedia ada

Sila hubungi AIA atau ejen AIA untuk perlindungan jenis lain yang sama AIA General Berhad tawarkan.

NOTA PENTING:

ANDA HARUS MEMASTIKAN BAHAWA HARTA YANG DILINDUNGI DIINSURANSKAN PADA JUMLAH YANG BERSESUAIAN. ANDA HENDAKLAH MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN PENASIHAT INSURANS ANDA ATAU HUBUNGI KAMI UNTUK KETERANGAN LANJUT.

Maklumat yang diberikan dalam Lembaran Pendedahan Produk ini adalah sah setakat Disember 13, 2023.